

**PEMBERITAHU PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG  
KAWASAN : KLUANG  
NO. SOALAN : 321

YB. TUAN LIEW CHIN TONG minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan :-

- a) berapa syarikat yang berjaya mendapat status ILS (Perkhidmatan Logistik Bersepadu) dan peratusan syarikat yang mendapat pembaharuan status ILS sejak pelancaran; dan
- b) apakah polisi yang membolehkan syarikat berstatus ILS memanjangkan tempoh insentif untuk usaha-usaha pembangunan dan penambahbaikan syarikat langkah-langkah yang akan diambil oleh MIDA dalam usaha memupuk syarikat ILS demi pencapaian yang lebih cemerlang.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

- a) Objektif utama pemberian galakan cukai kepada syarikat berstatus Perkhidmatan Logistik Bersepadu (ILS) adalah untuk mewujudkan industri logistik tempatan yang lebih efisien dan kompetitif melalui penggabungan pelbagai perantaraan pengangkutan (*transport intermediaries*) rantai bekalan logistik di Malaysia.

Setakat 31 Mei 2014, sejumlah 54 buah syarikat telah mendapat kelulusan galakan cukai ILS dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.6 bilion. Berdasarkan kepada jumlah keseluruhan kelulusan galakan cukai ILS, hanya 2 buah syarikat sahaja yang mendapat lanjutan galakan cukai ILS di bawah Pakej Galakan Istimewa sejak pelancarannya.

- b) Setakat ini, tiada polisi khusus yang membolehkan syarikat berstatus ILS memperbaharui atau melanjutkan tempoh galakan cukai yang telah diluluskan sebelum ini. Walau bagaimanapun, permohonan galakan cukai ILS untuk kali kedua boleh dipertimbangkan berdasarkan merit bagi syarikat berstatus ILS yang akan menjalankan projek pembesaran atau pelbagaian yang mampu memberi impak dan manfaat kepada industri berkaitan dan ekonomi negara secara keseluruhan. Ini termasuk aspek pelaburan berintensifkan modal, peluang pekerjaan, peningkatan produktiviti dan kecekapan operasi, pengukuhan kedudukan dan rangkaian perkhidmatan di peringkat antarabangsa dan pembangunan koridor yang mampu memberi manfaat besar kepada ekonomi Malaysia. Sebagai contoh, melalui penubuhan konsep *One Auto Hub*, syarikat akan bekerjasama dengan syarikat berkaitan industri automotif lain dan menawarkan khidmat sokongan logistik bagi menyokong industri berkaitan di sekitarnya.

Pertimbangan bagi pembaharuan atau lanjutan galakan cukai bagi aktiviti pembesaran dan pelbagaian syarikat berstatus ILS ini juga selari dengan aspirasi Kerajaan untuk memperkukuhkan potensi sektor logistik negara seperti mana diumumkan di dalam Belanjawan 2014 untuk memperkenalkan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan.